



## UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada kakitangan Akademik Universiti ini untuk menyandang jawatan berikut:

1. Jawatan : **TIMBALAN NAIB CANSELOR (VU6)  
(HAL-EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGSA)**
2. Tangga Gaji :

1 6571.40	2 7200.60	3 7624.10	4 7926.60	5 8229.10
--------------	--------------	--------------	--------------	--------------
3. Bentuk Lantikan : Tukar Sementara
4. Kelayakan dan Pengalaman : Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Gred Khas C (berjawatan tetap atau kontrak)  
: Disahkan Dalam Perkhidmatan
5. Tempoh Perkhidmatan : 3 tahun
6. Kriteria Lantikan :
  - a. seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan dihormati.
  - b. mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaiannya dalam apa jua situasi.
  - c. seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah pimpinannya.
  - d. mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
  - e. berkeupayaan mengenal pasti konflik dan mengurusnya dengan baik serta berhemah.
  - f. mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhannya.
  - g. Penentuan kebolehan dalam kriteria ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.

7. Cara Memohon : 1. **Calon Individu:** Pemohon dikehendaki mengisi Borang Keterampilan Khusus (*Summary of Specified Competences*) seperti di **LAMPIRAN A** dan **menyertakan sekali** Biodata calon mengikut format seperti di **LAMPIRAN B**.
- : 2. Pencalonan Fakulti:  
Fakulti mengemukakan keputusan Mesyuarat Fakulti bersama Borang Keterampilan Khusus dan Latar Diri (c.v) seperti perkara 7 (1).
- : 3. Pencalonan Naib Canselor diminta mengisi borang Keterampilan Khusus dan Latar Diri (c.v) seperti perkara 7 (1)  
Kesemua maklumat pencalonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia **tidak lewat dari 30 April 2007**.